



## **KENYATAAN MEDIA**

**YB. DATUK IR. DR. HJ. HAMIM BIN SAMURI  
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

### **MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI JPS 2017**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2017 (RABU)**

---

1. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah menganjurkan Sambutan Hari Inovasi JPS Malaysia 2017 hari ini. Pada tahun ini, JPS Negeri Kedah dilantik sebagai penganjur bersama. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB. Datuk Ir. Dr. Hj. Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bertempat di Institut Pendidikan Guru Darul Aman, Jitra, Kedah. Sambutan hari inovasi kali ini dimeriahkan dengan kehadiran kira-kira 500 kakitangan JPS dari seluruh Malaysia.
2. Ucapan aluan daripada Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) JPS Malaysia telah menyatakan bahawa budaya kreatif dan inovatif menjadi agenda penting nasional dalam menghasilkan perubahan berimpak besar kepada perkhidmatan awam. Justeru itu, Pelan Tindakan Inovasi JPS Malaysia telah dibangunkan di JPS mulai tahun 2010 sebagai satu pendekatan terancang dan bersistematik dalam melaksanakan dan meningkatkan pembudayaan inovasi di Jabatan. Pelan tindakan ini akan dikemaskini dan ditambahbaik bagi setiap dua tahun sekali. JPS juga ke arah mewujudkan Garis Panduan Pengurusan Harta Intelek bagi memastikan pengurusan harta intelek jabatan dikendalikan dengan efektif dan komprehensif.

3. Selaras dengan visi JPS Malaysia sebagai peneraju perkhidmatan kejuruteraan dan pengurusan sumber air negara, pihak Kementerian dan JPS Malaysia sedang berusaha keras untuk menggubal Rang Undang-Undang Sumber Air Negara (RUU SAN). Ini bagi memastikan pengurusan sumber air yang cekap dan terjamin sumber bekalannya. Hasrat ini akan tercapai dengan adanya pelaksanaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) serta Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM).

5. **Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB)** adalah satu lagi projek inovasi yang dibangunkan oleh JPS Malaysia bagi mempertingkatkan keupayaan ramalan dan amaran banjir berikutan kejadian banjir ekstrim yang berlaku di Kelantan, Terengganu dan Pahang pada Disember 2014. PRAB akan membangunkan sistem yang berupaya meramalkan kejadian banjir monsun tujuh (7) hari lebih awal berdasarkan data ramalan cuaca daripada Jabatan Meteorologi Malaysia dan meningkatkan keupayaan sistem hebahan dan amaran banjir monsun daripada enam (6) jam kepada dua (2) hari lebih awal. **Dengan adanya amaran awal banjir ini, agensi-agensi yang terlibat di dalam bencana banjir dapat membuat persediaan awal dari segi penempatan logistik, pemindahan dan tindakan menyelamatkan. Amaran banjir 2 hari lebih awal juga akan dapat membantu mangsa banjir untuk bersiap sedia untuk berpindah dan memberi tempoh masa yang mencukupi untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda.**

6. Selain itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar juga telah mengambil langkah-langkah ke hadapan dalam pembangunan beberapa kaedah dalam pengurusan sumber air bagi menguruskan keselamatan dan isu kelestarian sumber air negara. Pembangunan National Water Balance Management System (NAWABS) merupakan satu sistem pengurusan yang bertaraf dunia sepertimana yang telah dilaksanakan di Murrumbidgee Catchment, Australia. NAWABS ini dapat meningkatkan tahap kecekapan dalam pengurusan sumber air di lembangan-lembangan sungai. Model keseimbangan sumber air ini merupakan yang pertama dibangunkan di Malaysia dengan Fasa 1 melibatkan tujuh (7) lembangan sungai iaitu Sg. Muda, Sg. Kedah, Sg. Melaka, Sg. Bernam, Sg. Kelang, Sg. Kelantan dan Sg. Similajau di Sarawak.

7. Penekanan aspek inovasi yang diterapkan dalam Jabatan Pengairan dan Saliran telah berjaya menghasilkan beberapa produk inovasi yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa. Sebagai contoh, produk inovasi Eco-friendly Raft Pile (ERP) System yang telah berjaya mendapat pingat emas di *Geneva Inventions*, Anugerah Khas daripada *Korean Invention Academy* dan *Thailand Award for Best International Invention* daripada *National Research Council of Thailand*. Terdapat juga produk inovasi JPS yang telah dipatenkan di luar negara iaitu *Coastal Defence System* yang dipatenkan di Vietnam.

8. Pelan Tindakan Inovasi JPS Malaysia telah menetapkan sebanyak tujuh inisiatif perlu diambil tindakan oleh semua pejabat JPS Bahagian di Ibu Pejabat dan pejabat JPS Negeri. Inisiatif-inisiatif ini merangkumi Komitmen Pengurusan Atasan, Pusat Sumber Inovasi, Penandaarasan dan Perekayasaan, Pengumpulan Idea, Perkongsian dan Penyebaran Maklumat, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Cabaran Inovasi serta Hari Inovasi JPS Negeri.

9. Sebanyak tujuh pengiktirafan dan anugerah inovasi, dua anugerah pengiktirafan pembudayaan ICT dan satu anugerah Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) diraikan sempena Sambutan Hari Inovasi JPS pada tahun ini. Pertandingan Cabaran Inovasi JPS 2017 telah diadakan pada 19 dan 20 September 2017 yang lalu, telah disertai sebanyak 30 kumpulan inovasi yang mewakili JPS Bahagian dan JPS Negeri. Sepuluh finalis telah dijemput untuk menyerikan majlis dengan mengadakan pameran produk-produk inovasi mereka.

10. Anugerah-anugerah lain juga telah dipertandingkan sebelum sambutan Hari Inovasi ini. Kemuncak sambutan adalah penyampaian Anugerah Peneraju Pembudayaan Inovasi yang diungguli oleh Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal bagi kategori JPS Bahagian dan JPS Wilayah Persekutuan Labuan bagi kategori JPS Negeri.

**WISMA SUMBER ASLI**

**24 Oktober 2017**